




ZUHAL

Zuhal merupakan planet keenam dalam Sistem Suria dan kedua terbesar dalam Sistem Suria. Ia terdiri daripada gergasi gas yang mempunyai cincin besar kebanyakannya dari air batu dan serpihan angkasa. Bentuk Zuhal adalah leper dibahagian kutub dan buncit dibahagian ekuator (*equator*). Ini disebabkan pusingan pantas keadaan cecairnya. Jarak Zuhal dengan matahari adalah 1,427.0 juta kilometer.



URANUS

Uranus merupakan planet ketujuh dalam Sistem Suria. Ia telah ditemui pada tahun 1781 oleh William Herschel. Terdiri daripada hidrogen, helium dan methane yang kelihatan biru kehijauan. Mempunyai diameter 51,800 km iaitu 4 kali keluasan Bumi. Jarak Uranus dengan matahari adalah 2,871.0 juta kilometer.



NEPTUN

Neptun merupakan planet kelapan dalam Sistem Suria. Ia telah ditemui pada tahun 1846 oleh Johann Gottfried Galle. Mempunyai diameter 49,528 km iaitu 3.8 kali ganda keluasan Bumi. Jarak Neptun dengan matahari adalah 4,497.0 juta kilometer.



PLUTO

Pluto merupakan planet terakhir dalam Sistem Suria. Ia ditemui pada tahun 1930 oleh Clyde Tombaugh. Mempunyai diameter 2,320 km iaitu 0.18 kali keluasan bumi. Jarak Pluto dengan matahari adalah 5,913.5 juta kilometer.



SISTEM SURIA


Jabatan Mufti Negeri Selangor
(Bahagian Falak)
Tingkat 7&8, Menara Utara,
Bangunan Sultan Idris Shah
40000 Shah Alam

Tel : 03-55143738/3457/3716/3717/3718/3720

Faks : 03-55197584

Email : mufti_sel@selangor.gov.my

Web : www.muftiselangor.gov.my



MATAHARI

Matahari adalah bintang terdekat dengan bumi dengan jarak purata 149,680,000 kilometer. Matahari dan sembilan buah planet membentuk sistem suria. Matahari mempunyai diameter 1,391,980 kilometer dengan suhu permukaan 5,500°C dan suhu teras 15 juta°C. Cahaya daripada matahari memakan masa 8 minit untuk sampai ke bumi. Matahari berputar 25.04 hari bumi setiap putaran dan mempunyai graviti 27.9 kali graviti bumi.



UTARID

Utarid merupakan planet yang paling hampir dengan matahari dan kedua terkecil di dalam Sistem Suria. Diameter Utarid adalah 40% lebih kecil daripada Bumi dan 40% lebih besar daripada Bulan. Permukaannya adalah lebih kurang sama dengan permukaan Bulan iaitu berkawah. Jarak Utarid dengan matahari adalah 57.9 juta kilometer.



ZUHRAH

Zuhrah merupakan planet kedua dalam Sistem Suria. Ia dianggap sebagai planet kembar Bumi kerana saiz, jisim, isipadu dan ketumpatannya yang hampir sama dengan bumi serta terbentuk daripada awan nebula yang sama. Terkenal sebagai planet 'rumah hijau' kerana mempunyai kandungan karbon dioksida yang tinggi di dalam atmosferanya. Zuhrah melengkapkan putaran di paksinya dalam masa 245 hari Bumi dan mengelilingi orbitnya dalam masa 225 hari Bumi. Jarak Zuhrah dengan matahari adalah 108.2 juta kilometer.



BUMI

Bumi merupakan planet ketiga dalam Sistem Suria. Bumi dijangkakan telah berusia selama 4,600 juta tahun. Perbezaan suhu permukaan Bumi adalah di antara -70°C sehingga 55°C bergantung kepada iklim tempatan. Sehari di Bumi bersamaan 24 jam dan setahun di bumi bersamaan 365.25 hari. Bumi mempunyai garis pusat sepanjang 12,756 kilometer. Jarak Bumi dengan matahari 149.6 juta kilometer.



MARIKH

Marikh merupakan planet keempat dalam Sistem Suria. Ia kelihatan berwarna kemerahan di langit pada waktu malam. Ia mempunyai 2 bulan, Phobos dan Deimos, setiap-satu menyerupai asteroid. Jarak Marikh dengan matahari adalah 227.9 juta kilometer.



MUSYTARI

Musytari merupakan planet kelima dan ia merupakan planet yang terbesar daripada sembilan planet dalam Sistem Suria. Mempunyai diameter 142,600 km iaitu 11 kali ganda keluasan Bumi. Jarak Mustyari dengan matahari adalah 778.3 juta kilometer.